

# → WILAYAH

# UMP anjur larian kumpul dana MyGift

[FOTO NAUFAL SHAMSUDDIN/BH]



**Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim** bergambar sebelum Kejohanan Golf Amal MyGift UMP di Mahkota Golf and Country Club di Kuantan, kelmarin.

→ Pendaftaran dibuka kepada orang ramai sehingga 1 tengah hari, 21 September

**Oleh Nurul Nadira Shaari**  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

**U**niversiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan UMP Splash Run 2016 di kampusnya di Gambang dekat sini, pada 24 September depan bagi mengumpul dana program MyGift.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Mimi Rabita Abdul Wahit, berkata program larian sejauh enam kilometer (km) berkenaan dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) sebagai satu daripada inisiatif menjaga kebajikan pelajar.

**Terbuka kepada orang ramai**  
“Ia terbuka kepada orang ramai dan yuran penyertaan bagi pelajar UMP adalah RM21 manakala kakitangan dan orang luar RM27,

peserta diberikan kemeja T, sarapan, sijil penyertaan, medal (kepada 100 peserta yang menamatkan larian awal) serta merit (kepada pelajar UMP).

“Pendaftaran dibuka sehingga jam 1 tengah hari, 21 September ini (Rabu) dan orang ramai berminat menyertainya boleh menghubungi Ferdaus di talian 09-5492565,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mimi Rabita berkata, UMP Splash Run 2016 adalah antara program dijalankan bagi mengumpul dana MyGift yang turut memfokuskan kepada usaha menjana pendapatan sendiri tanpa bergantung kepada pembiayaan kerajaan sepenuhnya selain aspek kebajikan.

“Sebelum ini, UMP menganjurkan Kejohanan Golf Amal UMP di Glenmarie Golf and Country Club, Selangor pada 3 September lalu dan di Mahkota Golf and Country Club, kelmarin.

**Golf amal kumpul RM500,000**  
“Kejohanan berkenaan berjaya mengumpul kira-kira RM500,000 yang mengatasi sasaran awal ditetapkan iaitu RM400,000, ia akan digunakan untuk membayai biasiswa pelajar miskin di UMP,” katanya.

Beliau berkata, majlis pelancaran MyGift dijangka disempurnakan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Kuala Lumpur, 1 Oktober depan dan kumpulan pertama penerima biasiswa menerusinya akan menerima surat tawaran pada majlis berkenaan.

Baru-baru ini, UMP meluluskan biasiswa berjumlah RM400,000 kepada pelajar berkelayakan menerusi program MyGift dan proses pemilihan penerima mengikut dua kriteria utama iaitu berprestasi tinggi serta datang daripada keluarga kurang berkemampuan.

Biasiswa itu meliputi yuran pengajian dan sara hidup pelajar sepanjang pengajiannya di UMP.

**Info**

**Dana program  
MyGift**

→ **Sasaran kutipan**  
RM8 juta menjelang penghujung tahun ini  
→ **Tujuan penubuhan**  
**MyGift** memberi peluang pihak industri, syarikat korporat dan individu bersama-sama menyumbang membantu biayai biasiswa pelajar miskin di UMP